



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

14 JUN 2022 (SELASA)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

14 JUN 2022 (SELASA)

Ayam segar, daging import di ibu negara mencukupi

Pelanggan tetap beli walaupun terpaksa bayar harga lebih tinggi

Oleh Azhar Shahrudin/azhar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekalan ayam segar dan daging import dari India di pasar sekitar ibu negara didapati boleh menampung keperluan serta permintaan semasa, namun berlaku kenaikan harga yang didakwa mempunyai kaitan dengan pembekal.

Tinjauan *BH* mendapati bekalan ayam segar dan daging import masih banyak serta mencukupi, manakala pelanggan tetap membeli mengikut keperluan walaupun perlu membayar pada harga lebih tinggi.

Peniaga ayam di pasar Chow Kit, Edi Putra, 26, berkata ayam di gerainya dijual RM11 sekilogram semalam dan RM10 pada Sabtu lalu, melepasi harga siling RM8.90 ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekuwal Pengguna (KPD-NHEP).

"Nak buat macam mana sebab sejak Aidilfitri lalu memang harga ayam semakin naik.

"Sebagai penjual, kami tiada kuasa mengawal harga sebab dapat bekalan daripada pembekal.

"Hari ini (semalam) saya dapat bekalan 80 ayam dan 40 ayam tua, manakala bilangan yang dapat dijual bergantung kepada kunjungan pelanggan.

"Biasanya Selasa sehingga Jumaat jualan agak kurang, tetapi kalau Sabtu dan Ahad memang bekalan habis," katanya.



Adi memotong daging dipesan pelanggan ketika tinjauan di Pasar Chow Kit, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Peniaga daging di pasar sama, Adi Sarudi, 49, berkata daging import dari India dijual RM21 setiap kg manakala daging cincang RM17 satu kg.

"Sebelum ini harga tertinggi bagi daging import ialah RM21 satu kg tetapi ia kini sudah menjadi harga harian.

"Setakat ini, bekalan daging import masih konsisten dan hari ini (semalam) saya menerima dua kotak daging import," katanya di sini, semalam.

Peniaga ikan, Lim Yu, berkata harga jualannya bergantung kepada hasil tangkapan nelayan.

"Jika hasil tangkapan sedikit, mahal sikit harganya tetapi kalau bekalan banyak, kita boleh jual murah.

"Saya pastikan bekalan dihabiskan pada hari sama untuk mengekalkan kesegaran ikan, tak boleh bawa ke hari berikutnya," katanya.



Edi terpaksa jual ayam segar melepasi harga siling RM8.90 sekilogram.

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam	RM6.99	Telur Gred A	RM12.60	Gula Pasir	RM2.75	Cili Merah	RM10.99
	Daging Lembu Tempatan	RM42.99	Ikan Kembung	RM10	Bawang Besar Holland	RM2.50	Kubis Tempatan	RM3.20
	Daging Lembu Import	RM28	Minyak Masak	RM6.50	Bawang Putih	RM5	Tepung Gandung	RM2.30
<i>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</i>								